



KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN APRIL 2022

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MUKA SURAT
1.	09.04.2022	8 Direman kes Rasuah Projek Milik GLC Bernilai Lebih RM2.3 Bilion	2
2.	12.04.2022	Sembilan Ditahan Kes Rasuah Projek PCSB	
3.	12.04.2022	Bekas Pengarah Urusan Syarikat IT Ditahan SPRM	3
4.	14.04.2022	'Ambrin Ada Kuasa Mutlak Sedia Laporan' – Kes 1MDB	
5.	14.04.2022	Penggunaan MySejahtera Turun Mendadak	4
6.	15.04.2022	Bekas CEO Kolej Didakwa Terima Suapan Keluar Sijil, Transkrip	
7.	15.04.2022	Keputusan Muktamad Projek LCS Dibentang	5
8.	15.04.2022	PAC Akan Panggil Saksi Babit 3 Agensi JPM	6
9.	17.04.2022	SPRM Diminta Beri Penjelasan Projek Jiwa Murni	7
10.	20.04.2022	Saringan Elak Pihak Tertentu Bolot Kontrak	8
11.	21.04.2022	2 Penyelia Buat Tuntutan Palsu Ditahan	
12.	21.04.2022	Pemilik, Pengurus Syarikat Direman SPRM Kes Tuntutan Palsu	9
13.	22.04.2022	Perolehan Kapal Tempur Pesisir Pantai Diteruskan	10
14.	27.04.2022	Negeri Diberi Kelonggaran Guna Peruntukan Penyenggaraan Jalan	11



BERITA HARIAN | 09 APRIL 2022 | MS 1

8 direman kes rasuah projek milik GLC bernilai lebih RM2.3 bilion

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan lapan pegawai kanan sebuah syarikat bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah membabitkan projek dengan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) bernilai lebih RM2.3 bilion.

Lapan suspek terbabit yang berjawatan ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai operasi, pegawai eksekutif, pengarah dan pemilik syarikat itu ditahan secara berasingan di Ibu Pejabat SPRM di sini dan SPRM Sarawak antara jam 1.30 tengah hari kelmarin hingga 12.30 tengah malam kelmarin ketika hadir memberi keterangan.

Sumber berkata, ia dipercayai membabitkan projek penyelenggaraan dengan sebuah syarikat GLC

dalam bidang minyak dan gas.

SPRM dalam kenyataan semalam memaklumkan, reman terhadap semua suspek berusia antara 35 hingga 45 tahun itu masing-masing dibuat di Mahkamah Majistret Putrajaya dan Mahkamah Majistret Kuching, Sarawak.

Di Putrajaya, Majistret Shah Wira Abdul Halim membenarkan permohonan reman selama empat hari terhadap dua individu dan lima hari terhadap empat yang lain.

Sementara itu, di Mahkamah Majistret Kuching, Majistret Zubaidah Sharkawi membenarkan permohonan reman masing-masing selama lima hari dan dua hari terhadap dua individu.

Nasional 6

Berita Harian | 12 April 2022 | Page 8

Sembilan ditahan kes rasuah projek PCSB

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memaklumkan sudah menahan sembilan individu sejak Jumaat lalu bagi siasatan membabitkan isu rasuah projek di PETRONAS Carigali Sdn Bhd (PCSB).

SPRM dalam kenyataan semalam menjelaskan, seorang daripada sembilan individu yang ditahan itu adalah eksekutif muda di PCSB dan bukannya ketua pegawai eksekutif seperti dakwaan segelintir pihak.

"Lapan lagi individu yang turut ditahan adalah pemilik dan pegawai kanan syarikat kontraktor serta vendor yang menjalankan projek berkaitan isu rasuah terbabit.

"Siasatan ini adalah hasil kerjasama dan perkongsian maklumat antara SPRM dan PETRONAS bagi membantu memperkuatkan integriti di syarikat berkaitan kerajaan (GLC) berkenaan," katanya.

SPRM dalam kenyataan pada Jumaat lalu memaklumkan, menahan reman lapan individu berusia antara 35 tahun dan 45 tahun bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah, membabitkan projek milik GLC bernilai lebih RM2.3 bilion.

Mereka dipercayai terbabit dalam perlakuan rasuah projek milik sebuah GLC dengan anggaran nilai kontrak keseluruhan melebihi RM2.3 bilion, di antara 2017 hingga 2021.

Menurut sumber, semua suspek terdiri daripada ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai operasi, pegawai eksekutif, pengarah dan pemilik syarikat terbabit.

Berita Harian | 12 April 2022 | Page 20

Bekas pengarah urusan syarikat IT ditahan SPRM

Johor Bahru: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor menahan seorang bekas pengarah urusan sebuah syarikat teknologi maklumat (IT) bagi membantu siasatan kerana disyaki mengemukakan tuntutan palsu berjumlah hampir RM8 juta.

Suspek lelaki yang berusia 59 tahun itu ditahan ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Johor, kira-kira pada jam 11 pagi semalam.

Difahamkan, ketika memeg-

ang jawatan pengarah urusan syarikat tersebut, suspek mengemukakan tuntutan berkenaan kepada sebuah syarikat lain bagi kerja-kerja membabitkan penggantian barangan IT pada tahun 2016.

Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias, ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut, berkata kes disiasat mengikut Seksyen 18, Akta SPRM 2009.

Bagaimanapun, suspek dilepaskan dengan jaminan SPRM selepas keterangan direkodkan.

Berita Harian | 14 April 2022 | Page 16

Kes 1MDB

'Ambrin ada kuasa mutlak sedia laporan'

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi semalam, diberitahu yang bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, mempunyai kuasa mutlak dalam proses penyediaan akhir Laporan Pengauditan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Situasi itu dipersetujui bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr Madinah Mohamad, selaku saksi pendakwaan ke-12, ketika ia dicadangkan peguam bela, Datuk N Sivananthan, yang mewakili bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Arul Kanda Kandasamy.

Madinah yang mengambil alih jawatan Ketua Audit Negara selepas Ambrin bersara, turut bersetuju dengan cadangan peguam bela, bahawa Ambrin boleh menggunakan budi bicara penuh mengikut kehendaknya dalam proses penyediaan laporan audit itu.

Bagaimanapun saksi itu berkata, beliau tidak mengetahui terhadap fakta bahawa Ambrin memberitahu beliau (Ambrin) mempunyai kawalan penuh terhadap pindaan laporan berkenaan.

Dalam perbicaraan sebelum ini, Ambrin menafikan berlaku pindaan kepada laporan 1MDB yang disediakan oleh Jabatan Audit Negara dan mengaku mempunyai kuasa penuh terhadap laporan itu.

Sementara itu, Madinah bersetuju, pihak yang diaudit boleh mengemukakan cadangan kepada juruaudit mengenai mak-

lumat yang perlu disertakan dalam laporan audit.

Saksi itu juga bersetuju dengan cadangan peguam bahawa juruaudit mempunyai budi bicara untuk memutuskan sama ada menerima atau tidak cadangan itu dan memutuskan apa yang perlu dimasukkan atau sebaliknya.

Madinah memberikan keterangan pada perbicaraan kes terhadap bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Arul Kanda, dalam kes pindaan Laporan akhir Pengauditan 1MDB.

Najib, 68, didakwa menggunakan kedudukannya ketika itu untuk mengarahkan pindaan dilakukan terhadap laporan akhir pengauditan 1MDB, sebelum dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PKC), untuk mengelak sebarang tindakan diambil terhadapnya.

Arul Kanda, 44, pula didakwa bersubahat dengan Najib dalam membuat pindaan bagi melindungi Ahli Parlimen Pekan itu daripada tindakan tatatertib, sivil atau jenayah berkaitan 1MDB.

Kedua-dua mereka didakwa mengikut Seksyen 23(1) serta 24(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.



Najib hadir pada Perbicaraan kes pindaan laporan akhir pengauditan 1MDB di Mahkamah Tinggi. (Foto Saifuddin Tanadi/BH)

Khamis, 14 April 2022 | 12 Ramadan 1443H | Tel: 1 300 22 6787 | PP 414/10/2012 (030686) RM2

Wadah Pembaharuan
BH
BeritaHarian

Saravanan
sahkan
upah amah
Indonesia
dibayar ikut
gaji minimum

Nasional 6

JPA pinda
garis panduan
beri, terima
hadiah oleh
penjawat awam

Nasional 2

Penggunaan MySejahtera turun mendadak

Oleh Ahmad Suhail Adnan
ahmad.suhail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penggunaan fungsi daftar masuk dalam aplikasi MySejahtera menunjukkan penurunan mendadak iaitu lebih 30 peratus atau sekitar 8.6 juta pengguna sejak akhir bulan lalu. Penurunan mula dicatatkan sejak 25 Mac lalu, iaitu sehari selepas pembentukan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) di Parlimen, yang menimbulkan persoalan mengenai keselamatan data pengguna MySejahtera serta ketelusan dalam pembangunan aplikasi itu.

Menurut data GitHub Kementerian Kesihatan (KKM) purata daftar masuk MySejahtera di seluruh negara bagi tempoh tujuh hari menunjukkan penurunan kepada sekitar 19.3 juta pengguna pada 11 April lalu, berbanding lebih 27.5 juta daftar masuk pada 25 Mac. Penurunan penggunaan MySejahtera itu direkodkan di semua negeri dan wilayah, dengan kadar penurunan direkodkan antara 26 hingga 49 peratus. Jumlah daftar masuk yang dikira berdasarkan purata tujuh hari menunjukkan tiga ne-

geri di Pantai Timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang mencatatkan penurunan tertinggi, diikuti Putrajaya, Sabah dan Kedah.

Selatan mencatatkan penurunan penggunaan daftar masuk MySejahtera melebihi 30 peratus, iaitu purata penurunan di seluruh negara.

Data daftar masuk MySejahtera di portal itu menunjukkan Kelantan mencatat penurunan tertinggi iaitu 49 peratus, daripada 353,309 pada 25 Mac lalu kepada 180,035 pada 11 April lalu.

Nasional 5

Pendaftaran MySejahtera turun kepada 18 juta

Dari Muka 1

Ia disusuli Terengganu yang mencatat penurunan 47 peratus, serta Putrajaya (40.8 peratus), Pahang (39.3 peratus), Sabah (36.9 peratus) dan Kedah (36.7 peratus).

Labuan turut mencatat kadar penurunan yang tinggi dengan 34.7 peratus, disusuli Negeri Sembilan (34.6 peratus), Perlis (34.3 peratus), Perak (33 peratus) dan Melaka (30.9 peratus).

Lima lagi negeri dan wilayah mencatat penurunan di bawah 30 peratus, iaitu Selangor (29.6 peratus), Kuala Lumpur (29 peratus), Sarawak (27.4 peratus), Johor (26.6 peratus) dan Pulau Pinang (25.9 peratus).

Sejak 25 Mac lalu, jumlah daftar masuk MySejahtera di seluruh negara mencatat angka paling rendah pada 7 April lalu dengan 16,020,112, iaitu terendah dalam tempoh lebih 37 minggu sejak 25 Julai tahun lalu.

Pendaftaran menerusi MySejahtera dilihat menurun kepada sekitar 15 juta hingga 18 juta sejak beberapa hari lalu, berbanding 29 juta hingga 33 juta

hujung tahun lalu.

PAC sebelum ini mendedahkan aplikasi MySejahtera, yang awalnya bertujuan memudahkan proses pengesanan kontak rapat COVID-19, dibangunkan tanpa kontrak antara kerajaan dengan syarikat yang membangunkan aplikasi itu.

Jawatankuasa itu turut mempersoalkan pengambilalihan aplikasi MySejahtera oleh MySJ Sdn Bhd daripada KPISoft, yang kini dikenali sebagai Entomo Malaysia.

Dilaporkan, Kabinet memberi 'lampu hijau' kepada Kementerian Kesihatan pada November tahun lalu, bagi melantik MySJ untuk mengambil alih aplikasi itu menerusi rundingan terus.

Pengerusi PAC, Wong Kah Woh dilaporkan berkata Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin dan Menteri Kewangan, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz akan dipanggil berhubung isu pembangunan dan perolehan MySejahtera, pertengahan bulan ini.

Ketua Pembangkang, Anwar Ibrahim pula dilaporkan meminta Parlimen memulakan siasatan komprehensif bagi menge-



Sejak 25 Mac lalu, jumlah daftar masuk MySejahtera di seluruh negara mencatat angka paling rendah pada 7 April lalu dengan 16,020,112. (Foto hiasan)

nal pasti segala perihal aplikasi MySejahtera, terutama berhubung kerahsiaan data peribadi.

Katanya, siasatan perlu kerana persoalan mengenai pemilihan aplikasi itu dan datanya masih kabur, termasuk membenarkan entiti asing untuk memba-

ngun dan mengurus MySejahtera.

Khairy menegaskan aplikasi itu adalah kepunyaan kerajaan dengan kementerannya dilantik sebagai 'pemilik asal' MySejahtera bagi pengurusan kesihatan awam negara.

Mengulas mengenai penurunan itu, pakar epidemiologi Universiti Malaya (UM), Prof Dr Noran Naqiah Mohd Hairi, berkata isu kepercayaan terhadap keselamatan data pengguna mungkin antara faktor yang menyumbang kepadanya.

Beliau percaya sebahagian rakyat gusar dengan risiko data peribadi mereka dalam aplikasi itu disalah guna, susulan pembentukan PAC berkenaan isu itu, bulan lalu.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan, khususnya KKM perlu mendapatkan kembali kepercayaan rakyat dengan meyakinkan mereka terhadap integriti keselamatan MySejahtera jika kerajaan masih mahu rakyat terus menggunakan aplikasi itu.

"Kebanyakan rakyat tak tahu sama ada dakwaan keselamatan data itu benar atau tidak, tapi mereka risau kerana banyak data berharga dalam MySejahtera seperti nombor telefon dan nombor kad pengenalan.

"Faktor lain adalah ramai yang mula ambil mudah selepas fasa peralihan ke endemik diumumkan sejak 1 April lalu," katanya kepada BH.

Keputusan muktamad projek LCS dibentang

Kuala Lumpur: Jawatankuasa Menteri-Menteri Kabinet berhubung projek pembinaan kapal tempur pesisir (LCS) yang dipengerusikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapha Mohamed akan membentangkan kepada Jemaah Menteri keputusan muktamad berhubung projek itu.

Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata jawatankuasa berkenaan diwujudkan untuk membentangkan kembali kem- balik kepada Jemaah Menteri perancangan berkaitan projek LCS dan setakat ini sudah bermesyuarat sebanyak tiga kali.

"Ahli jawatankuasanya juga sudah ke Lumut, Perak untuk melihat sendiri aset sedia ada bagi meneruskan projek LCS. Keputusan untuk meneruskan projek LCS ini mendapat sokongan semua pihak termasuk pembangkang, namun ia memerlukan perincian dan perkara ini sudah dibangkitkan dalam mesyuarat Kabinet.

"Jadi saya harap jawatankuasa yang sudah selesai bermesyuarat ini dapat membentangkan kepada Kabinet bagi mendapat keputusan muktamad mengenai hala tuju LCS," katanya pada sidang media selepas penyampaian sumbangan Aidilfitri Angkatan Tentera Malaysia (ATM) 2022 di sini, semalam.

Beliau berkata, kecenderungan adalah untuk melihat projek terbabit diteruskan, na-

mun cara dan kaedahnya mesti mendapat persetujuan Kabinet.

Kapal LCS sebelum ini berdepan kelewatan yang berpunca daripada pengeluar produk tulen (OEM) memberhentikan kerja susulan masalah kewangan. Proses perolehan itu mengalami kelewatan 39.52 peratus atau 43 bulan, menyebabkan pembayaran kepada OEM tidak dibuat mengikut jadual ditetapkan.

Sementara itu, Hishammuddin berkata, semua empat kapal misi pesisir (LMS) untuk Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sudah diterima dan selesai ditauliahkan, malah Kementerian sudah memulakan perancangan serius untuk melaksanakan perolehan LMS kumpulan kedua.

"Ia akan bermula dengan tiga kapal dan bakal dilengkapi sistem persenjataan lebih canggih," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, pindaan Akta Tabung Angkatan Tentera (TAT) akan dibentangkan di Parlimen pada tahun ini bagi membolehkan dana persaraan diuruskan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) itu dijamin sepenuhnya oleh kerajaan.

"Kabinet sudah memberi keputusan secara prinsip dan ia akan dibawa ke Parlimen untuk dipinda pada tahun ini juga. Demi kepentingan pencarum, terdapat dua perkara yang diberi penekanan dalam pindaan Akta TAT ini," katanya

Pegawai Pendakwa SPRM, Kamariah Seman menawarkan jaminan sebanyak RM10,000 dengan seorang penjamin bagi kedua-dua pertuduhan, bagaimanapun peguam Ahmad Mawardi Che Hasan yang mewakili Amran merayu jumlah itu dikurangkan.

"Tertuduh tidak bekerja sejak lima tahun lalu, malah sudah digantung tugas sebelum dipecat dan dia tidak dibayar elaan sepanjang tempoh tersebut.

"Tertuduh mempunyai sembilan orang anak yang masih belajar di kolej, sekolah menengah dan rendah," katanya dan menambah anak guamnya memberi kerjasama yang baik sejak kes itu disiasat lima tahun lalu.

Hakim Datuk Ahmad Zamzani Mohd Zain membenarkan jaminan sebanyak RM10,000 dengan seorang penjamin bagi kedua-dua pertuduhan dan menetapkan syarat tambahan, iaitu tertuduh perlu melaporkan diri di pejabat SPRM setiap bulan serta menyerahkan pasport kepada mahkamah sehingga kes selesai.

Mahkamah menetapkan sebutan semula kes pada 17 Mei ini.

BERNAMA

Bekas CEO kolej didakwa terima suapan keluar sijil, transkrip

Kuantan: Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) sebuah kolej swasta mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas dua pertuduhan menerima suapan berjumlah RM5,000, bagi mengeluarkan sijil dan transkrip tanpa mengikut prosedur, tujuh tahun lalu.

Amran Mustaffa, 58, didakwa menerima suapan itu pada 21 dan 24 Oktober 2015 daripada seorang pelajar lelaki yang dibayar secara dalam talian, menerusi orang tengah yang dikatakan sebagai upah untuk mengeluarkan sijil dan transkrip Program Asasi Sains di Kolej Sentral, tanpa mengikut prosedur yang betul.

Pertuduhan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama, yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda lima kali nilai suapan atau RM10,000 yang mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

BERITA HARIAN | 15 APRIL 2022 | MUKA SURAT : 8

PAC akan panggil saksi babit 3 agensi JPM

Kuala Lumpur: Jawatankuasa Kira Kira Wang Negara (PAC) akan memanggil saksi lain membabitkan tiga agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada Khamis depan bagi memberikan keterangan dan penjelasan berhubung isu pembangunan dan perolehan aplikasi MySejahtera.

Pengerusinya, Wong Kah Woh, berkata PAC berpendapat bahawa wujud keperluan untuk memanggil lagi saksi lain bagi memberikan keterangan lanjut bagi prosiding ini selepas sesi bersama Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dan Menteri Ke-

sihatan, Khairy Jamaluddin diadakan semalam.

“Tiga agensi terbabit ialah Majlis Keselamatan Negara (MKN), Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) serta Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA),” katanya dalam kenyataan, di sini.

Pada masa sama, Kah Woh berkata, dalam prosiding semalam, PAC memfokuskan kepada lima aspek iaitu pemberian kontrak pembangunan aplikasi MySejahtera kepada syarikat KPI Soft Sdn Bhd pada April 2020.

Fokus lain, katanya ialah pemberian kontrak secara rundingan terus kepada syarikat MySJ Sdn

Bhd oleh kerajaan pada November 2021 serta status rundingan kerajaan dengan syarikat berkenaan.

“Turut menjadi fokus ialah pemilikan aplikasi MySejahtera termasuk modul aplikasi, kod sumber aplikasi, harta intelek dan pangkalan data.

“Komitmen kerajaan untuk melindungi data peribadi rakyat dalam aplikasi MySejahtera dan entiti syarikat terbabit dalam aplikasi MySejahtera iaitu MySJ Sdn Bhd, KPI Soft Sdn Bhd dan entiti syarikat lain dalam pertikaian kes antara pemegang saham MySJ Sdn Bhd di mahkamah,” katanya.

Terdahulu, Kah Woh berkata,

dalam prosiding yang berlangsung selama tiga jam bermula 10 pagi semalam, turut hadir adalah Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Seri Asri Hamidon dan Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Harjeet Singh a/l Hardeev Singh serta pegawai kanan Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Kesihatan (KKM).

Beliau berkata, prosiding itu diadakan menggunakan punca kuasa PAC mengikut Peraturan Mesyuarat 77(1)(d) dan 77(5) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (PPMDR) serta Seksyen III, Perkara 11 (b), Pekeliling Am No 2 (1982).

Berita Harian Ahad | 17 April 2022 | Page 18

SPRM diminta beri penjelasan projek Jiwa Murni

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) diminta memberi penjelasan berhubung siasatan terhadap dakwaan penyelewengan membabitkan projek Jiwa Murni di Sarawak.

Presiden Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW), Jais Abdul Karim, berkata ini kerana selepas dua tahun, status siasatan masih menjadi tanda tanya.

Beliau berkata, walaupun SPRM hanya wajib menjawab kepada pengadu, isu membabitkan kepentingan awam seperti projek Jiwa Murni perlu juga dijelaskan kepada rakyat.

Katanya, rakyat peka terhadap semua kes ketirisan yang berbangkit walaupun siasatan sudah berlarutan sejak dua tahun lalu.

"Saya berpendapat kita wajib bertanya kepada SPRM dan pihak SPRM juga perlu memberi penjelasan mengenai status kes ini.

"Ini perkara cukup baik apabila rakyat peka terhadap kes berbangkit walaupun mungkin telah lebih daripada dua tahun.

"MCW bertanya kepada SPRM sejauh mana siasatan kes ini telah berjalan dan apakah

tindakan yang telah diambil.

"Kita setuju bahawa perkara ini perlu ditanyakan dan rakyat berhak mengetahui perkembangan siasatan terhadap laporan ketirisan ini," katanya di sini, semalam.

Bagaimanapun, Jais memaklumkan, secara umum memahami bahawa siasatan berhubung sesuatu kes mengambil masa yang lama mungkin sehingga dua ke tiga tahun.

Malah, katanya, penyiasatan sesebuah kes itu juga tidak mempunyai tempoh untuk ditutup selagi mempunyai maklumat lanjut.

"Kita faham apabila SPRM membuat siasatan tentunya mengambil masa dua ke tiga tahun, tambahan pula selepas habis siasatan, SPRM akan menghantar status perkembangan kepada Pejabat Peguam Negara.

"Selepas itu, Pejabat Peguam Negara pula akan mengambil masa lagi untuk membawa kes ke mahkamah," katanya.

Kelmarin, media melaporkan status siasatan kes projek Jiwa Murni terus menjadi persoalan biar pun sudah berlanjutan hampir dua tahun dengan hasil siasatan kes masih menjadi tanda tanya.

Sehingga hari ini, SPRM tidak memaklumkan apa hasil siasatan kes tersebut kepada umum.

Projek Jiwa Murni membabitkan pelaksanaan 10 jalan negeri di Sarawak di bawah Kementerian Pertahanan bernilai RM800 juta.

Projek itu didakwa berlaku penyelewengan, malah pada 30 Januari 2019, Menteri Pertahanan ketika itu, Mohamad Sabu turut memaklumkan kementerian berkenaan tidak pernah menutup siasatan berhubung dakwaan berlaku penyelewengan dalam projek Jiwa Murni di Sarawak.

Berita Harian | 20 April 2022 | Page 7

Saringan elak pihak tertentu bolot kontrak

Kuala Lumpur: Saringan integriti dan surat akuan menolak rasuah yang akan diwajibkan ke atas syarikat membida tender atau memohon dana kerajaan dikeluarkan menerusi Kementerian Kewangan (MoF), akan dapat mengekang kumpulan tertentu daripada membolot kontrak dan projek kerajaan.

Presiden Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM), Datuk Seri Mohamed Fadzill Hassan ketika mengalu-alukan langkah berkenaan, berkata langkah berkenaan sepatutnya turut diwajibkan kepada MoF dan juga agensi yang mengeluarkan tender.

"Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) juga perlu menyebarkan maklumat ini dan melaksanakan program dari semasa ke semasa dalam kalangan agensi yang terbabit dalam pemberian kontrak di semua peringkat," katanya kepada *BH* semalam.

Katanya, langkah berkenaan pernah dilaksanakan sebelum

ini sebagai instrumen memastikan tidak berlaku rasuah dalam pemberian projek kerajaan dan pelaksanaan semula sangat dialu-alukan.

"Syarat sama pernah dilaksanakan dulu, tetapi dihentikan kira-kira 10 tahun lalu tanpa dinyatakan sebabnya. Dengan adanya Surat Akuan Integrity Pact, kita sangat menghargainya kerana ia antara lain dapat mengekang kumpulan tertentu sahaja diberikan peluang mendapat kontrak dan projek kerajaan.

"PKMM berpendapat ini langkah yang baik, pernah dilakukan dahulu dan akan dimulakan kembali. Tandatangani ini sepatutnya dilakukan bersama oleh pembida, MoF dan juga agensi yang mengeluarkan tender," katanya.

Semalam, *BH* melaporkan, syarat itu antara langkah daripada

111 inisiatif dalam Pelan Anti-rasuah Nasional (NACP) 2019-2023 untuk meningkatkan integriti, memerangi amalan rasuah serta mengelak sebarang isu berkaitan konflik kepentingan.

Surat Akuan Integrity Pact akan dikuatkuasakan oleh SPRM mengikut Akta SPRM 2009 dan Akta Rahsia Rasmi 1972.

Sementara itu, Presiden Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW), Jais Abdul Karim, berkata saringan integriti adalah baik dan wajar, namun dalam dunia

perniagaan, garisan antara etika bisnes yang baik dan hubungan baik dengan orang politik menjadi satu masalah dalam menegakkan integriti.

"Dalam banyak hal, orang yang ada integriti hilang peluang perniagaan atau peluang mendapat

kan dana dan geran kerajaan. Malah agensi pemberi dana juga kadangkala menunjukkan sifat kurang integriti kerana mempunyai budaya persaingan dan iri hati terhadap ahli perniagaan yang menjadi penerima dana itu," katanya.

Beliau berkata, selagi budaya antirasuah tidak menjadi amalan hidup berpandukan agama, selagi itu apa sahaja inisiatif akan menjadi momokan semata-mata.

"MCW menyokong penuh saringan integriti serta surat akuan tolak rasuah supaya ketirisan tidak berlaku. Jika berlaku, syarikat itu hendaklah disenarai hitam dan semua pengarah syarikat dipenjarakan sebagai pengajaran kepada yang lain.

"Kami tidak mahu lihat setiap tahun Laporan Ketua Audit Negara tinggal sekadar laporan tanpa sebarang penambahbaikan mengatasi gejala rasuah seperti dalam pembelian aset tentera, infrastruktur, persekolahan dan lain-lain," katanya.

Penganalisis jenayah, Shahul Hamid Abdul Rahim, turut mengalu-alukan syarat semakan integriti dan surat akuan menolak rasuah itu yang dilihatnya dapat membantu mengurangkan jenayah terbabit kerana wujud pihak yang menapis dan membuat saringan.

"Pada masa ini, sudah terlalu banyak prosedur operasi standard (SOP) dan undang-undang untuk kawal rasuah, tetapi gejala ini tetap berlaku. Saya kira dengan peraturan baharu ini, ia dapat mengurangkan rasuah kerana wujud pihak yang menapis dan membuat saringan,

"Sebaik-baiknya bagi projek rundingan terus, terutama projek keselamatan dengan kerahsiaan tertinggi membabitkan polis dan tentera, ia melalui proses tapisan dan saringan yang sama.

"Ini bagi mengekang kewujudan syarikat dua ringgit yang dapat tender dan kontrak kerajaan, tetapi jual kepada syarikat lain," katanya.



Mohamed Fadzill

Berita Harian | 21 April 2022 | Page 15

2 penyelia buat tuntutan palsu ditahan

Seremban: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), menahan dua penyelia persatuan sukarelawan beruniform kerana disyaki mengemuka tuntutan elaun penugasan palsu berjumlah lebih RM25,000.

Kedua-dua lelaki berusia 38 dan 56 tahun itu ditahan di Pejabat SPRM Seremban, di sini, kira-kira jam 2 petang kelmarin, ketika hadir memberikan keterangan.

Kedua-dua suspek direman selama tujuh hari bermula semalam sehingga 26 April depan, bagi membantu siasatan.

Permohonan reman terhadap kedua-dua lelaki dibuat Pegawai Pendakwa Mohd Khairi Abdul Karim di hadapan Majistret Intan Syafinaz Ros'lin di Mahkamah Khas Trafik Seremban, di sini, semalam.

Kedua-dua lelaki terbabit disyaki membuat tuntutan elaun penugasan palsu dengan jumlah keseluruhan lebih RM25,000.

Sementara itu, Pengarah SPRM Negeri Sembilan, Awang-kok Ahmad Taufik Putra Awang Ismail mengesahkan penahanan itu dan kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Berita Harian | 21 April 2022 | Page 19



Pemilik, pengurus syarikat direman SPRM kes tuntutan palsu

Johor Bahru: Seorang pemilik syarikat pembinaan dan seorang pengurus besar syarikat pangkalan pelabuhan direman selama lima hari bagi membantu siasatan kes tuntutan palsu dianggarkan berjumlah hampir RM150,000.

Perintah reman bermula semalam hingga Ahad ini, dikeluarkan oleh Majistret Zuhainie Zull Kafli selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor membuat permohonan pada sebelah pagi.

Terdahulu, SPRM Johor dilaporkan menahan seorang pemilik syarikat pembinaan dan seorang pengurus besar syarikat pangkalan pelabuhan.

Menurut sumber, kedua-dua

suspek lelaki yang masing-masing berusia 30 dan 39 tahun itu, ditahan di pejabat SPRM Johor kira-kira jam 6.00 petang dan 8.30 malam kelmarin, selepas hadir memberi keterangan.

Difahamkan pada tahun lalu, pengurus besar syarikat pangkalan pelabuhan itu didakwa meluluskan tiga tuntutan pembekalan dan pemasangan kabin daripada pemilik syarikat pembinaan berkenaan, sedangkan ia tidak mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.

Sementara itu Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias, ketika dihubungi mengesahkan penahanan dua individu terbabit bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Berita Harian | 22 April 2022 | Page 5

Perolehan Kapal Tempur Pesisir Pantai diteruskan

Aset diperlukan untuk tingkatkan kesiapsiagaan pasukan armada negara

Oleh Luqman Arif Abdul Karim dan Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perolehan Kapal Tempur Pesisir Pantai (LCS) akan diteruskan selepas mengambil kira dua faktor utama yang dicapai sebulan suara mengenai mesyuarat Kabinet dipengerusi Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, semalam.

Menteri Kanan (Pertahanan), Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata antara faktor diambil kira ialah LCS adalah aset amat dikehendaki dan diperlukan, selain bukan sekadar memenuhi perancangan pemodenan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) mengikut pelan transformasi sedia ada.

Lebih penting, katanya, LCS diperlukan untuk meningkatkan kesiapsiagaan pasukan armada negara dan menambah baik usaha memelihara kepentingan maritim negara.

"Saya percaya keputusan hari ini (semalam) dapat meningkatkan lagi moral dan semangat anggota TLDM untuk terus berjuang demi kedaulatan tanah air."

"Faktor kedua, terdapat 400 vendor terlibat dalam projek ini dengan implikasi kewangan lebih RM4 bilion. Daripada jumlah ini, lebih 100 daripadanya adalah syarikat milik rakyat Malaysia.

"Sebanyak 50 peratus daripadanya pula ada hubung kait dengan veteran dan majoriti berada di Lumut, terutama pekerja berkemahiran, pakar, ahli keluarga mereka," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Kapal LCS sebelum ini berdepan kelewatan 39.52 peratus atau 43 bulan susulan pihak pengeluar produk tulen (OEM) membatalkan kerja ekoran masalah kewangan, menyebabkan pembayaran kepada OEM tidak dibuat mengikut jadual ditetapkan.

Hishammuddin berkata, keputusan itu sebahagian daripada usaha membela kebajikan veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM), isteri, anak dan ahli keluarga mereka.

"Saya ambil maklum, vendor ini mengikuti rapat perkembangan usaha menyelesaikan isu LCS dan mereka pastinya gembira dengan keputusan ini. Tidak lagi persoalan sama ada perolehan LCS akan diteruskan ataupun tidak. Kini, semua pihak berkepentingan boleh bergerak ke hadapan dan fokus untuk menjayakannya."

"Paling penting, setiap mekanisme penubuhan akan dilaksanakan khususnya oleh Jawatankuasa Khas Kabinet harus dilaksanakan sebaik mungkin supaya perancangan dan garis masa ditetapkan dapat ditepati."

sepenitinya.

"Komitmen lebih besar ialah memastikan segala isu ketirisan sebelum ini tidak berulang. Semua pihak terlibat kali ini khususnya Boustead Naval Shipyard (BNS) yang diterajui pengurusan baharu mesti memainkan peranan masing-masing dengan telus dan bertanggungjawab," katanya.

Hishammuddin turut menjelaskan terdapat beberapa langkah susulan untuk melengkapkan Pelan Pemulihan, antaranya Proses Mobilisasi dalam tempoh enam bulan akan datang, membatalkan rundingan antara bank, vendor dan pihak OEM.

Beliau berkata, rundingan itu juga akan membatalkan pihak Perancis meliputi aspek reka bentuk dan komitmen kerajaan Perancis.

"Ini semua bermula sekarang. Dalam masa sama, agensi lain berkaitan termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) juga digesa mempercepatkan perincian masing-masing bagi memastikan kelancaran setiap proses."

"Kabinet akan membubuhkan sebuah Jawatankuasa Tadbir Urus Khas yang bakal dipengerusi Ketua Setiausaha (KSU) Perbendaharaan. Kementerian Kewangan dan KSU Kementerian Pertahanan.

"Jawatankuasa ini ditugaskan memantau secara dekat terutama proses dalam tempoh enam bulan akan datang dan melaporkan perkembangannya kepada Kabinet pada setiap bulan."

"Saya juga ingin tegaskan, ke-



Hishammuddin berpeluang merasai belayar bersama Fast Interceptor Craft aset terbaru milik TLDM.



Rakaman Takbir Hari Raya Aidilfitri di Geladak Penerbangan KD MAHAWANGSA.

putusan meneruskan projek LCS tidak bernakna pihak yang terlibat salah laku dalam projek sebelum ini akan terlepas begitu sahaja," katanya.

Dalam perkembangan lain, Hishammuddin turut menyempurnakan Majlis Berbuka Puasa bersama warga KD Mahawangsa di perairan Pulau Pangkor, Perak.

Acara diakhiri dengan Majlis Rumah Mesra dan Moreh ber-

sama 700 warga Pangkalan TLDM Lumut, membolehkan beberapa aktiviti, antaranya pertunjukan kawad senyap dan beberapa lawatan membatikan Hishammuddin.

Acara itu turut dihadiri Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad, Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Affendi Buang dan KSU Kementerian Pertahanan, Datuk Seri Muez Abd Aziz.



Hishammuddin bergambar bersama sebahagian warga PASKAL.



Hishammuddin bergambar bersama sebahagian warga Proves TLDM.

Negeri diberi kelonggaran guna peruntukan penyenggaraan jalan

Pemberian melalui MARRIS langkah prihatin atasi kerosakan akibat banjir

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan negeri diberi kelonggaran tambahan dalam penggunaan peruntukan di bawah Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri sebanyak RM5 bilion untuk 2022.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata pemberian itu adalah melalui pemberian Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS).

"Ia bagi membiayai kerja penyenggaraan, pembaikan, peng-

gantian dan pengubahsuaian jalan, jambatan, longkang, pembetung serta cerun di jalan negeri yang rosak akibat banjir termasuk di kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Kerajaan Persekutuan amat prihatin terhadap situasi yang dihadapi kerajaan negeri pasca banjir Monsun Timur Laut 2021/2022 yang lalu," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata ia adalah antara lima penambahbaikan yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan bagi pemberian dan sokongan kepada negeri bagi 2022.

Katanya perkara itu diputuskan dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan Negara yang dihadiri Menteri Besar dan wakil Ketua Menteri dari semua negeri di Putrajaya, semalam.

Perdana Menteri berkata, Kerajaan Persekutuan juga bersetuju mengkaji semula pemberian MARRIS supaya peruntukan itu dapat dimanfaatkan sepenuhnya

"Ia bagi membiayai kerja penyenggaraan, pembaikan, penggantian dan pengubahsuaian jalan, jambatan, longkang, pembetung serta cerun di jalan negeri yang rosak akibat banjir termasuk di kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT)"



Ismail Sabri Yaakob,
Perdana Menteri

oleh kerajaan negeri dengan memperluas skop perbelanjaannya termasuk merangkumi penyenggaraan jalan seperti di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian.

Justeru katanya, Kerajaan Persekutuan bersedia membuat pindaan garis panduan dan peruntukan yang berkaitan untuk meluaskan skop penggunaan pemberian MARRIS.

Selain itu, Kerajaan Persekutuan akan meningkatkan peruntukan Pindahan Fiskal Ekologi (EFT) daripada RM70 juta kepada RM100 juta sebagai insentif khusus kepada negeri yang mewartakan kawasan baharu untuk dilindungi.

"Insentif kewangan kepada kerajaan negeri ini adalah bagi meningkatkan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan bio-

diversiti daratan serta marin," katanya.

Ismail Sabri berkata, kerajaan Persekutuan turut bersetuju dengan caruman sebanyak RM330 juta dalam Kumpulan Wang Rizab Negeri bagi membiayai Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (pemberian TAHAP).

Pada masa sama, satu jawatankuasa akan ditubuhkan, di-pengerusikan Ketua Setiausaha Perbendaharaan bagi membuat semakan semula formula pengiraan, kriteria dan kaedah pengagihan pemberian TAHAP.

"Ini menunjukkan komitmen Kerajaan Persekutuan dalam menyediakan peluang kepada kerajaan negeri bagi melaksanakan projek pembangunan mengikut keutamaan dan keperluan negeri masing-masing.

"Langkah ini bagi memperku-kuh lagi momentum pemulihan ekonomi Keluarga Malaysia," katanya.